

BR1M bukan pancing undi
Utusan Online
20 Februari, 2013
Oleh ALFEY CHESTER

SEMPORNA 19 Feb. - Rakyat diminta tidak terpedaya dengan fitnah pembangkang yang mendakwa pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2.0 bertujuan memancing undi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal sebaliknya menegaskan, BR1M 2.0 diberikan kepada setiap rakyat yang layak tanpa mengira sebarang perbezaan fahaman politik, kaum dan agama.

Jelas beliau, pemberian BR1M merupakan antara usaha berterusan kerajaan bagi meringankan beban hidup rakyat, tidak kira sama ada sebelum atau selepas pilihan raya.

"Kalau sebab mahu pancing undi, tahun lepas kita tidak buat (pembahagian BR1M), sebab tahun lepas tiada pilihan raya," kata beliau yang juga Naib Presiden UMNO dan Ahli Parlimen Semporna semasa berucap dalam majlis penyampaian BR1M 2.0 di sini hari ini.

Menurut Mohd. Shafie, pemberian bantuan itu menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah meminggirkan kepentingan rakyat sama ada di bandar atau luar bandar bagi memastikan kualiti kehidupan mereka bertambah baik.

Sementara itu, beliau berkata, kira-kira 22,000 penduduk daerah ini layak menerima BR1M 2.0 berbanding hanya 11,000 penerima sewaktu pengagihan BR1M 1.0 dahulu.

"Setakat ini, sebanyak 17,000 penerima telah menerima agihan bantuan dan yang selebihnya dalam fasa berikutnya," kata Mohd. Shafie lagi.

Dalam pada itu, seorang warga emas berketurunan Bajau, Basari Mardani, 63, ketika ditemui melahirkan rasa syukur terhadap pemberian bantuan tersebut yang akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk keperluan keluarganya.

Seorang wanita kurang upaya pula, Amilin Karim, 45, berterima kasih kepada kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan rakyatnya.

"Wang ini akan digunakan untuk keperluan keluarga dan anak-anak. Suami saya cuma buruh kasar dan bantuan ini benar-benar bermakna buat kami," katanya.

Seorang remaja, Asliza Astik, 23, tidak menyangka kerajaan sudi memberikan bantuan BR1M 2.0 bernilai RM250 untuk golongan muda sepertinya.

"Kerajaan kita (BN) memang terbaik kerana nasib golongan muda tidak dilupakan. Saya gembira menerima bantuan ini dan berterima kasih kepada kerajaan," katanya sambil berharap bantuan seperti itu dapat diteruskan pada masa akan datang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130220/dn_05/BR1M-bukan--pancing-undi

